

# Situasi penahanan MB tak sama dialami Anwar

**Bukit Mertajam:** Situasi penahanan Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Muhammad Sanusi Md Nor yang disamakan segelintir penyokongnya dengan keadaan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim ditahan pada 1998, dianggap 'melucukan'.

Timbalan Presiden PKR, Rafizi Ramli, berkata beliau gelihati melihat beberapa kisah penahanan Muhammad Sanusi itu di media sosial dengan mengaitkan situasi serupa dihadapi Anwar yang juga Presiden PKR pada 25 tahun lalu.

Katanya, apa yang berlaku terhadap Muhammad Sanusi berbeza dengan Anwar yang ketika itu disepak terajang sedangkan Menteri Besar Kedah berkenaan hanya ditahan untuk pendakwaan sebelum dibebaskan dengan

ikat jamin.

"Sanusi (ketika ini) jejak 'Malaya paling glamour' (terkenal) tapi beliau tak masuk lokap pun, beliau hanya ditahan dan didakwa, tetapi ada yang nak disamakan (apa yang berlaku terhadap Sanusi) dengan Anwar masa 1998 dulu.

"Kalau ada orang sepak terajang Sanusi itu lainlah. Ini nasib baik beliau kena tahan dan dakwa sahaja, tapi kecoh kononnya orang dalam Kerajaan Perpaduan takut dengan Muhammad Sanusi sampai beliau kena tangkap pukul 3 pagi," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Jelajah Madani Harapan Dewan Undangan Negeri (DUN) Seberang Jaya, di sini, malam kelmarin.

"Ini nasib baik beliau kena tahan dan dakwa sahaja, tapi kecoh kononnya orang dalam Kerajaan Perpaduan takut dengan Muhammad Sanusi"

Rafizi Ramli,  
Timbalan  
Presiden  
PKR



Dalam pada itu, Rafizi yang juga Menteri Ekonomi menasihati Muhammad Sanusi yang juga Pengarah Pilihan Raya Perikatan Nasional (PN) supaya berhati-hati dan menjaga percakapan dengan tidak mengeluarkan kenyataan dikhuatiri menyebabkan beliau ke penjara.

"Masa saya jadi pembangkang dulu, bila nak bawa suara kebenaran nak sampaikan kepada masyarakat kita berdepan dengan pelbagai cubaan.

"Saya ada 14 kes mahkamah yang ada dua ke tiga hari dan paling lama lima hari dalam lokap (penjara)," katanya.

Dalam pada itu, Rafizi secara sinis memberitahu tiada ahli politik dalam PKR ditahan atau didakwa atas kesalahan menghina institusi diraja.

"Pelik mereka (PN) yang menunjukkan diri sebagai parti memperjuangkan Melayu, Islam didakwa atas kesalahan menghina Raja. Kalau saya yang kata macam itu (memperlekehkan sultan) mesti PAS dah keluar berarak atas jalan.

"Saya nak nasihat lagi, kalau dia (Muhammad Sanusi) rasa dan nak jadi hebat, kacau, langgar itu ini tak ada masalah, tapi kena bersedia terima akibatnya," tegasnya.

Semalam, Muhammad Sanusi didakwa di Mahkamah Sesyen Selangor atas dua tuduhan mengeluarkan kata-kata hasutan berhubung isu pelantikan Menteri Besar Selangor dan penubuhan Kerajaan Perpaduan dalam satu ceramah politik di Selangor pada minggu lalu.